



15 FEB, 2024

Porsche tanpa plat ditutup dengan kain

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



NADZRI (tengah) menunjukkan Porsche Panamera yang dirampas pada sidang media di Wisma Kastam Melaka, Ayer Keroh, semalam.

Porsche tanpa plat ditutup dengan kain

Oleh Amir Mamat
am@hmetro.com.my

Ayer Keroh

Pemilik sebuah 'kereta kayangan' Porsche Panamera diseludup sepenuhnya kereta itu dengan kain kerana bimbang ia dirampas pihak berkuasa.

Porsche Panamera terbabit yang turut tidak memiliki nombor pendaftaran ditemukan disembunyikan di sebuah kediaman di Jasin di sini, 18 Januari lalu.

Mendedahkan perkara itu, Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDR) Melaka Nadzri Che Ani berkata, kereta mewah terbabit diseludup ke Malaysia

Elak 'kereta kayangan' dirampas pihak berkuasa

dari negara jiran tanpa membayar cukai berjumlah RM186,000.

"Menerusi operasi khas pada 18 Januari lalu, anggota Bahagian Penguatkuasaan JKDM Melaka mematahkan penyeludupan kereta kayangan itu di sebuah rumah di Jasin.

"Ia ditemukan hasil risikan dijalankan. Kereta tanpa nombor pendaftaran itu ditutup sepenuhnya dengan sehelai kain, dipercayai bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Kereta itu disita dan siasatan sedang dijalankan bagi mengesan pemilik kediaman dan kenderaan terbabit," katanya pada sidang media di Wisma Kastam

Melaka, di sini, semalam.

Susulan rampasan itu, beliau berkata, kereta berkenaan diklasifikasikan sebagai dagangan larangan di bawah Butiran 3, Jadual Kedua/Bahagian 1, Perintah Kastam (Larangan Mengena Import) 2023.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967, sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada 10 kali nilai barang atau RM50,000 yang mana lebih besar dan tidak lebih 20 kali nilai barang atau RM500,000 yang mana lebih besar atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Rampasan Porsche Pa-

namera itu antara kejayaan JKDM Melaka dalam menumpaskan kegiatan penyeludupan barang, termasuk minuman keras dan rokok, sejak awal tahun ini yang keseluruhannya bernilai RM5.84 juta.

Nadzri berkata, ia membabitkan rampasan 5,932.32 liter minuman keras pelbagai jenama dalam dua operasi berasingan di Semabok dan Klang, Selangor membabitkan nilai cukai RM295,141.48.

Katanya, turut dirampas 6,829,228 rokok membabitkan cukai RM5,257,817.62 menerusi tiga operasi berasingan di Bertam Ulu, Alor Gajah, Kluang serta Ulu Tiram.



15 FEB, 2024

Porsche tanpa plat ditutup dengan kain

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Ayer Keroh Pemilik sebuah ‘kere t a k ay a n g a n’ Pors c h e Panamera seludup menyelimutkan sepenuhnya kereta itu dengan kain kerana bimbang ia dirampas pihak berkuasa.Porsche Panamera terbabit yang turut tidak memiliki nombor pendaftaran ditemukan disembunyikan di sebuah kediaman di Jasin di sini, 18 Januari lalu.